

05 JUN 2000

DAIM-MAHATHIR/I

DAIM KATA TERPULANG KEPADA DR MAHATHIR PUTUSKAN JAWATAN KABINETNYA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Tun Daim Zainuddin hari ini enggan mengulas khabar angin yang mengatakan beliau meletak jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas dan Menteri Kewangan.

Beliau berkata: "Terpulang kepada PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) memutuskannya."

Apabila ditanya samada beliau akan berhenti selepas membereskan usaha memulihkan ekonomi, beliau berkata: "Tugas saya hampir selesai tetapi kerja tidak akan selesai kerana sentiasa akan ada perkara-perkara baru yang timbul dari masa ke semasa yang perlu ditangani."

Ketika ditemui pemberita selepas membuka sebuah seminar ekonomi di sini, beliau juga ditanya siapa yang mungkin akan menjadi pengganti sekiranya beliau berhenti. Beliau menjawab: "Ramai orang yang berkeupayaan mengambil alih."

Daim juga berkata sasarannya bagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan Malaysia ialah 8.0 peratus untuk tahun ini.

Untuk mencapai sasaran ini, katanya, adalah perlu untuk mengenal pasti bidang-bidang pertumbuhan baru untuk menjana kuasa yang lebih besar untuk mempertahankan ekonomi.

Para penganalisis kebelakangan ini menyatakan bahawa khabar angin mengenai kemungkinan Daim meletak jawatan Menteri Kewangan telah mengakibatkan arah aliran lesu di pasaran saham tempatan sejak beberapa minggu lepas walaupun Malaysia telah dimasukkan semula ke dalam Indeks Morgan Stanley Capital International.

Apabila Daim dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas selepas Malaysia dilanda krisis kewangan serantau lebih dua tahun lepas, beliau berkata keutamaan terdekat beliau ialah untuk memulihkan ekonomi. Beliau kemudian dilantik sebagai Menteri Kewangan Pertama dan selepas itu menjadi Menteri Kewangan.

Sebelum ini, Daim sering berkata beliau akan meletak jawatan apabila beliau telah berjaya mengemudi ekonomi keluar dari kegawatan.

Beliau juga berkata hari ini bahawa beliau tidak mempunyai perbezaan pendapat dengan Dr Mahathir. Terdapat khabar angin yang mengatakan Daim dan Dr Mahathir tidak sependapat mengenai sebilangan isu. Dr Mahathir juga telah menafikan perkara itu.

Daim juga berkata tiada rancangan sekarang untuk menghapuskan kawalan modal berpilih yang sedia ada yang berjaya mengembalikan kestabilan dalam ekonomi Malaysia. -- BERNAMA

MFZ DVS SHY/JR